

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/2007**

=====

**PENURUNAN KUASA KEPADA PENTADBIR TANAH
UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN KE ATAS SEBAHAGIAN
PERMOHONAN KEBENARAN PINDAHMILIK DAN LAIN-LAIN
PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN KEBENARAN PINDAHMILIK**

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa terdapat suatu keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mengenai penurunan kuasa kepada Pentadbir Tanah dalam membuat keputusan ke atas sebahagian permohonan kebenaran pindahmilik individu dan juga keputusan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kebenaran pindahmilik.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Melalui **Seksyen 13(1) Kanun Tanah Negara, 1965** Pihak Berkuasa Negeri boleh mewakili kuasa atau kewajipan yang diberi atau dikenakan kepada Pihak Berkuasa Negeri oleh atau di bawah Kanun Tanah Negara melalui *pewartaan* kepada Pengarah Negeri atau Pendaftar atau Pentadbir Tanah atau lain-lain pegawai yang dilantik di bawah seksyen 12 Kanun Tanah Negara.

2.2 **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 25 April 2007** telah bersetuju dan meluluskan penurunan kuasa bagi membuat keputusan ke atas sebahagian permohonan kebenaran pindahmilik daripada Pihak Berkuasa Negeri yang diwakili oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui **Bab 3 (Eksekutif) item L, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959**, kepada Pentadbir Tanah. Di samping itu

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga memberikan panduan-panduan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kebenaran pindahmilik bagi menyelesaikan beberapa isu berkaitan dengannya.

2.3 Prosidur yang diamalkan pada masa kini berkaitan dengan keputusan permohonan kebenaran pindahmilik adalah seperti berikut:

a) Keputusan di peringkat Y.A.B. Dato' Menteri Besar

- i. Permohonan Kebenaran Pindahmilik individu Bumiputera kepada Bukan Bumiputera;
- ii. Permohonan Kebenaran Pindahmilik individu daripada Bumiputera kepada Bukan Bumiputera dan Syarikat;
- iii. Permohonan Kebenaran Pindahmilik Secara Menyeluruh (*Blanket Approval*); dan
- iv. Permohonan Kebenaran Pindahmilik yang telah ditolak oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar atau Ahli MMKN.

b) Keputusan di peringkat Y.B. Ahli MMKN

- i. Permohonan Kebenaran Pindahmilik individu di antara kaum yang berlainan kecuali Bumiputera kepada Bukan Bumiputera.

c) Keputusan di peringkat Pengarah Tanah dan Galian

- i. Permohonan Kebenaran Pindahmilik Kepentingan Asing / Warganegara Asing.

d) Keputusan di peringkat Pentadbir Tanah

- i. Permohonan kebenaran pindahmilik antara anggota keluarga (kasih sayang).

2.4 Penurunan kuasa dan panduan-panduan lain berkaitan kebenaran pindahmilik ini dibuat atas hasrat untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam di Negeri Selangor dan inisiatif ke arah penambahbaikan secara berterusan.

3. PENURUNAN KUASA MEMBUAT KEPUTUSAN KEBENARAN PINDAHMILIK OLEH PENTADBIR TANAH

3.1 Kuasa yang diturunkan mengikut keputusan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 25 April 2007** kepada Pentadbir Tanah berkenaan keputusan kebenaran pindahmilik adalah kepada perkara-perkara seperti berikut sahaja:

- i) Permohonan kebenaran pindahmilik **antara anggota keluarga (kasih sayang);**
- ii) Permohonan kebenaran pindahmilik daripada **individu Bumiputera kepada individu Bumiputera;** dan
- iii) Permohonan kebenaran pindahmilik daripada **individu bukan Bumiputera kepada individu bukan Bumiputera.**

3.2 Kuasa untuk membuat keputusan kebenaran pindahmilik bagi perkara-perkara selain daripada yang dinyatakan di atas masih lagi perlu dibuat oleh pihak-pihak yang dinyatakan di perenggan 2.3.

4. PERKARA-PERKARA LAIN BERKAITAN KEBENARAN PINDAHMILIK YANG DIPUTUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI

4.1 Tiada tempoh kawalan yang dikenakan bagi permohonan kebenaran tanah kurnia.

4.2 Tiada tempoh kawalan dikenakan bagi permohonan kebenaran pindahmilik selain daripada tanah kurnia.

4.3 Kebenaran pindahmilik daripada Pihak Berkuasa Negeri adalah dikecualikan bagi pindahmilik yang melibatkan perkara-perkara berikut:

- i) Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil 1955;
- ii) Keputusan/arahan mahkamah;

- iii) Lelongan awam (mana-mana lelongan awam yang dilaksanakan oleh Pentadbir Tanah atau Pendaftar Mahkamah sahaja); dan
 - iv) Akta Probet dan Pentadbiran 1959.
- 4.4 Keputusan kebenaran pindahmilik hendaklah dibuat dalam tempoh **dua minggu** daripada tarikh permohonan diterima selaras dengan dasar Kerajaan Negeri iaitu '*Dasar Dua Minggu*'.
- 4.5 Setiap rayuan bagi permohonan kebenaran pindahmilik yang telah ditolak hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah terlebih dahulu sebelum diangkat untuk keputusan Y.A.B. Dato' Seri Menteri Besar.

5. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

- 5.1 Pekeliling ini terpakai kepada semua **permohonan kebenaran pindahmilik individu dan syarikat (di mana berkenaan)**;
- 5.2 Pelaksanaan keputusan ini **berkuat kuasa mulai 25 April 2007**.

T.T
(ABD. NASIR BIN HASSAN)
Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 14 MEI 2007

*** PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.4/2008***